

Headline	Bisnes melingkup selepas 2 hari		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	08 May 2019	Language	Malay
Circulation	4,701	Readership	14,103
Section	News	Page No	26
ArticleSize	148 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,084		



### Alor Setar

## Bisnes melingkup selepas 2 hari

Niat wanita ini mencari rezeki tidak kesampaian selepas hanya dua hari bekerja, dia dimaklumkan premis terbabit menjalankan kegiatan menjual tambah nilai judi dalam talian.

Kegiatan premis yang berselindung di sebalik kedai menjual pakaian terpakai dan tambah nilai telefon bimbit di Taman Wira Mergong itu terbongkar selepas polis menyerbu premis itu jam 11 pagi semalam.

Wanita berusia 21 tahun berasal dari Guar Cempedak itu mendakwa ditawarkan bekerja di situ oleh kenalannya dengan gaji harian RM70 sehari.

Niatnya mencari wang untuk menyambut Aidilfitri namun akhirnya dicekup polis untuk membantu siasatan kerana terbabit dengan kegiatan judi dalam talian.

Turut ditahan, lelaki berusia 24 tahun yang juga pekerja premis berkenaan.

Operasi dilakukan sepasukan anggota dan pegawai daripada Bahagian Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap (D7), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar diketuai Inspektor Darlveen Singh dan

dibantu kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Mohd Rozi Jidin berkata, ketika serbuan dilakukan premis itu beroperasi seperti biasa dan dua pekerja terbabit berada di bahagian dalam premis berkenaan.

Hasil siasatan mendapati, premis itu baru beroperasi dengan menjual tambah nilai judi dalam talian sejak tiga minggu lalu dan pernah diserbu kali pertama ketika itu.

"Kedua-dua mereka ditahan untuk membantu siasatan.

"Operasi tertumpu di empat lokasi iaitu dua di Kota Setar, satu di Pekan Langgar dan satu di Kuala Kedah," katanya.

Dalam serbuan berasingan, sebuah premis menjual burung di Pekan Langgar diserbu jam 12 tengah hari kerana disyaki terbabit menjual tambah nilai judi dalam talian.

Ketika serbuan, seorang lelaki dipercayai pelanggan sempat melarikan diri dengan menunggang motosikal sebaik melihat kehadiran polis.